

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13/10/2011

Filem seram: PFM mahu jumpa Dr. Mahathir

HULU KLANG 12 Okt. - Persatuan Penerbit Filem Malaysia (PFM) mahu bertemu Tun Dr. Mahathir Mohamed bagi menjelaskan isu lambakan filem seram tempatan di pawagam yang dikatakan boleh memberi kesan negatif kepada para penonton seperti yang dinyatakan oleh bekas Perdana Menteri itu minggu lalu.



Menurut Presiden PFM, Datuk Paduka Shuhaimi Baba (gambar), pihaknya mahu mengadakan pertemuan itu bagi menghilangkan persepsi negatif masyarakat terhadap pembikin filem tanah air yang kononnya lebih cenderung menerbitkan filem-filem seram sejak kebelakangan ini.

"Kemungkinan kami akan berjumpa dengan Tun Dr. Mahathir bagi menghilangkan persepsi itu selain meredakan isu ini yang sedang hangat diperkatakan dalam industri perfileman tempatan. Kami mempunyai fakta bahawa tidak berlaku lambakan filem seram di pawagam ketika ini.

"Isu itu ditimbulkan oleh segelintir pihak dan bukannya daripada kalangan penonton sendiri. Sebab itu, kalau boleh kami juga mahu bertemu dengan pihak penonton sendiri. Beritahu kami daripada aspek mana yang filem seram boleh memberi kesan negatif terhadap mereka," katanya.

Pada sidang akhbar di Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) itu, Shuhaimi berkata trend tayangan filem seram di pawagam-pawagam tempatan seharusnya dibincangkan oleh pihak-pihak terbabit dan bukannya daripada mulut individu tertentu sahaja.

Behau yang juga pengarah filem berkata, isu itu misalnya harus dibincangkan bersama oleh pihak-pihak berkaitan seperti Lembaga Penapisan Filem Malaysia (LPFM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Finas dan Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan.